

Pemuda belasah ibu dengan kerusi dipenjara 11 bulan

SIBU: Seorang pemuda dijatuhi hukuman penjara 11 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas tuduhan mencederakan ibunya dengan menggunakan kerusi plastik.

Bunyau Nanum, 33, yang mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan, diperintah oleh mahkamah menjalani hukuman itu bernula semalam.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa mendatangkan kecederaan terhadap ibunya di rumah panjang mereka di Sungai Aup pada 24 Ogos 2021, kira-kira jam 10 pagi.

Tertuduh didakwa mencederakan ibunya dengan menggunakan kerusi plastik, menyebabkan mangsa mengalami kecederaan.

Bagi pertuduhan itu, Bunyau didakwa mengikut Seksyen 324 yang dibacakan bersama Seksyen 326A Kanun Keseksaan.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian tertuduh bertindak agresif selepas motosikalnya ditarik kedai setelah gagal membuat bayaran bulanan.

Tertuduh yang marah bertindak agresif memukul ibunya menggunakan kerusi plastik, menyebabkan mangsa cedera di kepala, tangan kiri dan bahu kanan.

Melihat keadaan tertuduh yang tidak dapat lagi dikawal, mangsa kemudian menghubungi pihak polis untuk bantuan.